

Peluang Anwar dilihat cerah

UM - 24/5/2007

KUALA LUMPUR 23 Mei - Sebanyak 2,000 perwakilan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dijangka memberi sokongan padu kepada penasihat parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memegang jawatan presiden bagi penggal akan datang.

Naib Presiden PKR, Sivarasa Rasiah, berkata, jangkakan itu berdasarkan kepada kecenderungan perwakilan yang rata-rata mahukan Anwar menerajui parti selepas bekas Timbalan Perdana Menteri itu dibebaskan daripada penjara empat tahun lalu.

Beliau berkata, walaupun masih terdapat calon lain yang turut dicalonkan bagi merebut jawatan presiden iaitu penyandangannya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Abdul Rahman Oth-

man, peluang Anwar disifatkan sebagai amat besar.

"Berdasarkan pemerhatian saya, semua perwakilan akan mengundi Anwar sebagai presiden baru manakala Wan Azizah pula dijangka memberi laluan kepada Anwar untuk menerajui parti.

"Bagi kami perkembangan ini amat memberangsangkan dan ia merupakan berita baik untuk PKR dan parti pembangkang yang lain.

"Bagi pihak Barisan Nasional (BN) pula saya percaya ini merupakan berita buruk buat mereka," katanya di pejabat PKR Brickfields di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan terkini menjelang kongres PKR yang akan diadakan di Sekolah Menengah Chung Hua Seremban

pada 25 hingga 27 Mei ini.

Pada kongres tersebut semua jawatan akan dipertandingkan. Bagi jawatan presiden, Anwar setakat ini telah menerima 120 pencalonan, Wan Azizah (10) dan Abdul Rahman tujuh pencalonan.

Sivarasa yakin kedudukan PKR akan lebih tersusun dan bertambah kuat apabila parti itu diterajui oleh Anwar.

Berhubung kedudukan Wan Azizah selepas kongres, beliau berkata, para perwakilan perlu membuat satu ketetapan supaya penyandang jawatan presiden itu terus memberi sumbangan kepada PKR.

Ketika ditanya mengenai kedudukan Anwar yang mahu meneruskan hasrat bertanding jawatan presiden meskipun masih tertakluk di bawah Seksyen 9A Akta

Pertubuhan, Sivarasa berkata, di bawah seksyen itu terdapat pengecualian atau pengurangan tempoh larangan Anwar memegang jawatan politik.

"Berdasarkan Seksyen 9A (4) Akta Pertubuhan, Pendaftar Pertubuhan mempunyai kuasa untuk memberi pengecualian atau pengurangan tempoh larangan terhadap Anwar (memegang jawatan politik).

"Tambahan pula Anwar telah mengutus surat kepada Pendaftar Pertubuhan untuk beliau mendapatkan pengecualian itu," ujarinya.

Berdasarkan Seksyen 9A, Anwar dilarang memegang sebarang jawatan dalam politik dalam tempoh lima tahun sebaik sahaja dibebaskan daripada penjara. Beliau dibebaskan pada 14 April 2003.